

14 OCT 1996

KENAIKAN UPAH TIDAK MENJEJASKAN PELABURAN JEPUN

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Kenaikan upah buruh di Malaysia tidak menjejaskan pelaburan Jepun di sini, terutama dalam sektor pembuatan, disebabkan oleh kecekapan tenaga mahir yang kian meningkat, kata seorang pegawai kanan Dewan Perdagangan dan Industri Jepun, Malaysia (JACTIM).

Pengerusi JACTIM, Tan Sri Kazumasa Suzuki, berkata upah buruh bagi sektor pembuatan tidak begitu penting kerana ia merupakan hanya kira-kira 10 peratus daripada kos pembuatan bergantung kepada jenis-jenis industri.

Dari satu sudut, tambah beliau, kenaikan upah buruh ini adalah baik kerana ia menandakan permintaan yang lebih besar terhadap barang keluaran Jepun. "Pendapatan gaji mereka akan dibelanjakan bagi membeli televisyen, kereta dan ini baik bagi pelaburan kami di sini," kata beliau.

Suzuki berkata demikian kepada pemberita selepas pelancaran rasmi Yayasan JACTIM oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Sementara itu, pelabur-pelabur Jepun dikatakan merasa selesa dengan Malaysia disebabkan oleh kestabilan politik, prasarana yang tinggi mutunya dan kualiti kerja-kerja buruh.

Suzuki meramalkan bahawa pelaburan Jepun di Malaysia akan terus meningkat dalam masa 10 tahun akan datang dan Malaysia tidak akan kehilangan kelebihan daya saingannya.

Katanya industri yang ada di Malaysia sekarang dari pemasangan, yang dibantu oleh industri-industri sokongan, hingga kepada stok bekalan seperti keluli, aluminium dan lain-lain serta teknologi tinggi yang dikenali sebagai regu tiga tunggak kerana ketiga-tiganya mengimbangi satu sama lain terbukti berjaya kerana ini meningkatkan daya saing industri Jepun dan aliran ini akan wujud di Malaysia.

Sementara itu, kemelesetan keluaran-keluaran elektronik dunia, terutama mikrocip, tidak mendatangkan kesan secara langsung ke atas pelaburan Jepun di sini kerana syarikat-syarikat Jepun lebih banyak menceburi kegiatan pembungkusan dan pemasangan, tambah Suzuki. -- BERNAMA

SHO KY/sia